

# POLISI **ANTIRASUAH** KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG







**UNIT INTEGRITI  
PSUKPP**

POLISI  
**ANTIRASUAH**  
KERAJAAN NEGERI  
PULAU PINANG

# **PERUTUSAN**

## **YB. SETIAUSAHA**

## **KERAJAAN**

## **NEGERI**

Assalamualaikum w.b.t.,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia serta izin-Nya, kita berjaya membangunkan buku panduan Polisi Antirasuah Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bertujuan untuk menjadi sumber rujukan mengenai jenayah rasuah serta mekanisme pelaporan dan pencegahan.

Polisi ini dibangunkan selaras dengan keperluan MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS). Pelaksanaan sistem ini juga adalah selaras dengan Inisiatif 2.1.3 NACP memperkenalkan pensijilan ABMS MS ISO 37001:2016 di semua agensi kerajaan.

Pengurusan atasan dan semua Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang sangat komited dalam memastikan segala urusan perkhidmatan di jabatan / agensi dilaksanakan dengan penuh integriti dan beretika. Selaras dengan objektif ‘Toleransi Sifar Terhadap Rasuah’, Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak akan bertolak ansur terhadap apa juu bentuk perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

Oleh yang demikian, saya berharap semua Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat memahami dan menjadikan polisi ini sebagai panduan utama dalam penyampaian perkhidmatan jabatan / agensi dan sama-sama kita membendung jenayah rasuah daripada terus berleluasa.

Sekian, salam hormat.

**YB. DATO' HAJI ROSLI BIN ISA**  
**Setiausaha Kerajaan Negeri**



# **IKANDUNGAN**

- |              |                                                             |
|--------------|-------------------------------------------------------------|
| <b>4</b>     | <b>PENDAHULUAN &amp; PEMAKAIAN</b>                          |
| <b>5-6</b>   | <b>PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG</b>                             |
| <b>7-9</b>   | <b>TAKRIFAN</b>                                             |
| <b>10</b>    | <b>TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN</b>                           |
| <b>11</b>    | <b>PENYATAAN DASAR ANTIRASUAH</b>                           |
| <b>12</b>    | <b>KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH</b>                           |
| <b>13-14</b> | <b>HUKUMAN SABIT KESALAHAN</b>                              |
| <b>15</b>    | <b>PERLINDUNGAN MAKLUMAT DAN PEMBERI MAKLUMAT</b>           |
| <b>15</b>    | <b>POLISI PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH</b>               |
| <b>16</b>    | <b>TAJAAN DAN SUMBANGAN KEBAJIKAN</b>                       |
| <b>16</b>    | <b>SUMBANGAN POLITIK</b>                                    |
| <b>16</b>    | <b>WANG PEMUDAHCARA</b>                                     |
| <b>17-18</b> | <b>BEBAS PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN PENGARUH LUAR</b> |
| <b>19</b>    | <b>POLISI RUJUKAN</b>                                       |
| <b>20</b>    | <b>TARIKH KUATKUASA</b>                                     |
| <b>20</b>    | <b>PERTANYAAN DAN PELAPORAN</b>                             |
| <b>20</b>    | <b>KEGAGALAN MELAPOR</b>                                    |
| <b>21</b>    | <b>PELAKSANAAN KETEKUNAN WAJAR (DUE DILIGENCE)</b>          |
| <b>22</b>    | <b>PENGHARGAAN</b>                                          |

## PENDAHULUAN & PEMAKAIAN

Polisi Antirasuah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dibangunkan sebagai satu usaha dalam memerangi segala perlakuan rasuah termasuk terima atau beri rasuah, penyalahgunaan kuasa, membuat tuntutan palsu, penipuan, menggunakan harta kerajaan untuk kepentingan seseorang, ugutan, pemalsuan atau penyelewengan dan sebagainya. Polisi ini adalah merupakan penambahbaikan kepada usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi mengelakkan, mengesan dan bertindak kepada gejala rasuah seperti yang dinyatakan di atas.

Polisi ini terpakai kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (AMMK) dan semua Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemegang taruh, rakan niaga atau mana-mana individu / organisasi yang berurusan dengan semua Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa lain seperti Akta SPRM 2009, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) (1993), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pulau Pinang) 1997; dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pulau Pinang) (Pindaan) 2016. Polisi ini akan ditambahbaik dari masa ke masa selaras dengan keperluan MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah.

# PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

- i. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
  - Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 Seksyen 16, 17, 18 dan 23
- ii. Kanun Keseksaan (Akta 574)
  - Seksyen 161 Kanun Keseksaan - penjawat awam menerima suapan melibatkan tugas rasmi jabatan;
  - Seksyen 162 dan 163 Kanun Keseksaan - mana-mana orang menerima suapan bagi mempengaruhi atau menggunakan pengaruh peribadi ke atas penjawat awam;
  - Seksyen 164 Kanun Keseksaan - penjawat awam yang bersubahat melakukan kesalahan Seksyen 161- 164 Kanun Keseksaan;
  - Seksyen 165 Kanun Keseksaan - penjawat awam menerima benda yang berharga dengan tiada balasan daripada orang yang mempunyai hubungan tugas rasmi.
  - Seksyen 213 dan 214 Kanun Keseksaan - mana-mana orang mengambil atau menawarkan suapan sebagai balasan mengelakkan pesalah daripada tindakan undang-undang.
  - Seksyen 215 Kanun Keseksaan - mana-mana orang mengambil suapan untuk pura-pura menolong atau kerana menolong pensalah mendapatkan semula harta yang telah diambil daripada pesalah itu.
- iii. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605)
- iv. Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.


- v. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993
- vi. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pulau Pinang) 1997
- vii. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pulau Pinang) (Pindaan) 2016
- viii. Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 mengenai Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia
- ix. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1997 - Garis Panduan Mengenai Cara Menguruskan Kes-kes Tatatertib Yang Dirujuk Oleh Badan Pencegah Rasuah (kini dikenali Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia)
- x. Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara – Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian Atau Penerimaan Rasuah rujukan SPRM/BKP: 20/22/1.9 bertarikh 11 Mei 2011

**DEFINISI**

Ini adalah merujuk kepada semua Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang termasuk lantikan *contract of service* dan *contract for service*.

Penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

Suapan boleh datang dalam pelbagai bentuk sama ada dalam bentuk wang, hadiah, pinjaman, fi, alang, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat yang seumpama seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 1 – Permulaan, Seksyen 3, Tafsiran Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.



## DEFINISI

Hadiyah

Hadiyah termasuklah:

- Wang
- Harta Alih Atau Tak Alih
- Kenderaan
- Tambang
- Percuma
- Saham
- Tiket Loteri
- Kemudahan Perjalanan
- Hiburan
- Perkhidmatan
- Keahlian Kelab
- Apa-Apa Bentuk Diskaun Atau Komisen
- Hamper
- Barang Kemas
- Perhiasan
- Apa-Apa Pemberian
- Cenderamata

Atau apa-apa benda yang bernilai yang diberi kepada atau diterima oleh pegawai itu, isterinya atau mana-mana orang lain, bagi pihaknya daripada mana-mana orang, dengan tiada balasan (*without consideration*) atau balasan yang diketahui oleh pegawai itu tidak mencukupi ataupun mencukupi.

## DEFINISI

### Konflik Kepentingan

Konflik kepentingan melibatkan konflik antara tanggungjawab awam dan kepentingan peribadi seseorang Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang di mana anggota tersebut mempunyai kepentingan peribadi yang berkemungkinan mengganggu objektiviti anggota ketika menjalankan tugas dan tanggungjawab atau ketika membuat pertimbangan bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

### Integriti

Integriti adalah amalan bersikap jujur dan menunjukkan kepatuhan yang tanpa kompromi terhadap prinsip dan nilai moral serta etika yang kuat. Dalam etika, integriti dianggap sebagai kejujuran dan kebenaran atau ketepatan tindakan seseorang.

Perkataan integriti berkembang daripada perkataan integer iaitu kata sifat Latin, yang bermaksud keseluruhan atau lengkap. Dalam konteks ini, integriti adalah rasa "keutuhan" dalaman yang berasal daripada kualiti seperti kejujuran dan sifat ketekalan.

# TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

## i. PENGURUSAN ATASAN

Membuat pemantauan menyeluruh dan tumpuan kepada komunikasi dalam supaya tindakan-tindakan proaktif dalam usaha menangani gejala rasuah dapat dikesan, dicegah dan ditangani.

## ii. ANGGOTA PENTADBIRAN

- a. Melaporkan sekiranya terdapat aktiviti berkaitan rasuah melalui saluran yang telah disediakan. Identiti pemberi maklumat akan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).
- b. Memahami Polisi Antirasuah Kerajaan Negeri Pulau Pinang;
- c. Bekerjasama sepenuhnya semasa prosiding siasatan dijalankan; dan
- d. Menghadiri latihan berkaitan pengukuhan dan pematuhan Polisi Antirasuah.

## iii. UNIT INTEGRITI

- a. Melaksanakan kawalan dalaman berkaitan sebarang pelakuan jenayah yang berlaku di dalam jabatan dan melaporkan kepada agensi berkaitan;
- b. Memberi penerangan jelas kepada semua anggota pentadbiran berkaitan sebarang pelanggaran tatakelakuan yang membolehkan pegawai diambil tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) (1993), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pulau Pinang) 1997; dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pulau Pinang) (Pindaan) 2016 dan
- c. Membuat penilaian, penyiasatan dan melaporkan aduan atau maklumat yang diterima daripada Pemberi Maklumat

# PENYATAAN DASAR ANTIRASUAH

- i. Kami, Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, berobjektif untuk mengamalkan standard integriti tertinggi, membudayakan antirasuah dan membuat pelaporan dan membuat keputusan dengan penuh ketelusan. Sehubungan itu, kami amat komited untuk melaksanakan dan mengamalkan Sistem Pengurusan Antirasuah dalam menjalankan aktiviti kami serta perhubungan dengan pemegang taruh bagi memastikan segala ruang dan peluang rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa dapat ditangani dengan cekap dan berkesan;
- ii. Dasar Antirasuah ini adalah bertepatan dan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan lain-lain akta yang berkaitan serta keperluan perundangan domestik mahupun antarabangsa;
- iii. Dasar ini juga bersesuaian dengan halatuju Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu visi, misi, pelan strategik dan aspirasi Kerajaan Negeri;
- iv. Kami tertakluk kepada Kod Etika dan Polisi Antirasuah dalam urusan organisasi dan digunakan sebagai kerangka kerja dalam penetapan, penyemakan dan pencapaian objektif antirasuah;
- v. Kami juga komited untuk memahami, mengamalkan dan mematuhi keperluan-keperluan di bawah Sistem Pengurusan Antirasuah;
- vi. Melalui Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa memberi ruang kepada anggota pentadbiran dan pemegang taruh untuk melaporkan sebarang salah laku rasuah di dalam organisasi;
- vii. Kami juga sentiasa melaksanakan penambahbaikan berterusan melalui Sistem Pengurusan Antirasuah (ISO 37001:2016) dari semasa ke semasa;
- viii. Kami juga bakal berdepan dengan tindakan tatatertib mahupun tindakan undang-undang yang sewajarnya sekiranya gagal mematuhi kepada Dasar Antirasuah ini.
- ix. Unit Integriti adalah satu badan yang mempunyai kuasa dan bebas diwujudkan untuk memantau Sistem Pengurusan Antirasuah secara menyeluruh dan melaporkan kepada Badan Pentadbir dan Pihak Pengurusan Atasan.

# KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH

## i. AKTA SPRM 2009 (AKTA 694)

Akta SPRM 2009 memperuntukkan kesalahan rasuah:

Penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah dan diskaun.

- a. Meminta, menerima, menawar dan memberi suapan di bawah Seksyen 16 dan 17 Akta SPRM 2009;
- b. Mengemukakan tuntutan palsu di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009; dan
- c. Menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan pegawai badan awam di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009

# HUKUMAN SABIT KESALAHAN

## AKTA

Seksyen 16 dan 17 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

Seksyen 161, 162 dan 164 Kanun Keseksaan (Akta 574)

Seksyen 163 Kanun Keseksaan (Akta 574)

Seksyen 165 Kanun Keseksaan (Akta 574)

Seksyen 213 dan 214 Kanun Keseksaan (Akta 574)

Seksyen 215 Kanun Keseksaan (Akta 574)

Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (**AMLATFPUAA**) 2001

## HUKUMAN

Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM 10,000.00 mengikut mana-mana yang lebih tinggi

Penjara sehingga 3 tahun atau denda atau kedua-duanya

Penjara sehingga 1 tahun atau denda atau kedua-duanya

Penjara sehingga 2 tahun atau denda atau kedua-duanya

1/4 daripada tempoh penjara yang paling lama diperuntukkan bagi kesalahan itu atau denda atau kedua-duanya

Penjara sehingga 2 tahun atau denda atau kedua-duanya

Penjara sehingga 15 tahun dan denda 5 kali ganda nilai aktiviti haram atau 5 juta yang mana lebih tinggi

## TUNTUTAN PALSU

Seseorang individu menggunakan atau mengemukakan apa-apa tuntutan yang mempunyai butiran atau maklumat palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya (majikan / jabatan).

### AKTA

Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

### HUKUMAN

Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali denda nilai tuntutan palsu atau RM10,000.00 mengikut mana-mana yang lebih tinggi

## SALAH GUNA KUASA

Seseorang individu menggunakan jawatan atau kedudukan rasmi dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan sesuatu yang mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

### AKTA

Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

### HUKUMAN

Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali denda nilai tuntutan palsu atau RM10,000.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi

**Penjawat awam yang terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga buang kerja kerana melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2) (f) dan (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.**

## **PERLINDUNGAN MAKLUMAT DAN PEMBERI MAKLUMAT**

Apa-apa aduan yang dibuat berbangkit daripada maklumat yang diterima pegawai di Unit Integriti, maklumat dalam aduan itu dan identiti pemberi maklumat hendaklah menjadi rahsia antara pegawai dan akan dikendalikan mengikut Polisi Pemberi Maklumat Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

## **POLISI PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH**

Bagi meningkatkan budaya integriti di kalangan pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dibangunkan sebagai rujukan dan panduan.

Polisi terperinci boleh dirujuk kepada Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

## TAJAAAN DAN SUMBANGAN KEBAJIKAN

Permintaan untuk tajaan dan sumbangan kebajikan kadangkala bertujuan untuk mengaburi aktiviti rasuah. Tiada tajaan dan sumbangan kebajikan boleh dilakukan sekiranya sumbangan tersebut boleh dianggap sebagai mempengaruhi pihak lain yang mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai hubungan rasmi dengan pihak tersebut.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh memberi penajaan dan sumbangan kebajikan sekiranya ia melibatkan kepentingan dan kebajikan rakyat.

## SUMBANGAN POLITIK

Sumbangan politik pada dasarnya tidak dibenarkan kecuali atas kepentingan dan kebajikan rakyat Negeri Pulau Pinang.

## WANG PEMUDAHCARA

Segala bentuk wang pemudahcara adalah tidak dibenarkan.

# **BEBAS PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN PENGARUH LUAR**

Apa-apa bentuk tekanan / desakan sama ada lisan, bukan lisan atau apa-apa bentuk yang lain daripada Pemimpin Kerajaan atau Individu Berpengaruh ke atas Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bertujuan untuk menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan keputusan.

- \* **Pemimpin Kerajaan**

Merujuk kepada tafsiran “Anggota Pentadbiran” di bawah Fasal (2), Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan, Ahli Parlimen dan Ahli Undangan Negeri.

- \* **Individu Berpengaruh**

Individu yang mempunyai kedudukan dalam kerajaan atau hubungan dengan pihak-pihak berkuasa, orang kenamaan, ahli-ahli politik dan lain-lain.

## **SURAT SOKONGAN**

Apa-apa komunikasi yang disampaikan sama ada secara lisan atau bukan lisan termasuk dalam bentuk surat, memo, minit, emel, khidmat pesanan ringkas, percakapan mulut, panggilan telefon atau bentuk-bentuk lain yang bertujuan menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan keputusan.

- \* **Urusan Kerajaan**

Apa-apa urusan kerajaan seperti perolehan, pengurusan sumber manusia, permohonan kelulusan lesen / permit, pinjaman, biasiswa dan lain-lain hal berkaitan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

## **KESALAHAN BERKAITAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN**

- i. Membawa atau cuba membawa pengaruh luar atau mengemukakan apa-apa surat sokongan daripada mana-mana pemimpin kerajaan dan individu berpengaruh bagi menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan keputusan; dan
- ii. Menggunakan pengaruh luar atau surat sokongan sebagai asas pertimbangan atau arahan daripada pemimpin kerajaan dan individu berpengaruh dalam membuat keputusan.

## **PENGARUH LUAR & SURAT SOKONGAN OLEH ANGGOTA PENTADBIRAN & PEMIMPIN KERAJAAN**

Kod Etika Bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen yang dikeluarkan pada Disember 2018 menetapkan bahawa Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen hendaklah memastikan tidak berlaku percanggahan kepentingan antara jawatan awamnya dan kepentingan peribadinya. Percanggahan kepentingan boleh berlaku akibat pengaruh dan kuasa yang ada pada Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen selaku Kerajaan.

Sehubungan itu, Anggota Pentadbiran dan Pemimpin Kerajaan hendaklah mengelakkan daripada menggunakan jawatan untuk mengenakan apa-apa tekanan ataupun mengeluarkan apa-apa surat sokongan bagi maksud menyokong apa-apa permohonan atau tuntutan kepada Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dokumen yang dirujuk adalah seperti berikut:

- a) MS ISO 37001:2016 - *Anti-bribery Management Systems - A requirement with guidance for use*
- b) MS ISO31000:2018 - *Risk Management - Principles and guidelines*
- c) Akta SPRM 2009 (Akta 694)
  - Seksyen 16 (a) (b)
  - Seksyen 17 (a) (b)
  - Seksyen 18
  - Seksyen 21
  - Seksyen 23
- d) Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018)
  - Seksyen 17A
- e) Kanun Keseksaan - Akta 574
  - Seksyen 161 - 165 (Suapan)
  - Seksyen 213 - 215 (Hadiah)
  - Seksyen 384 - 389 (Jenayah Pemerasan)
  - Seksyen 403 - 409 (Pecah Amanah)
  - Seksyen 417 - 420 (Penipuan)
  - Seksyen 465 - 471 (Pemalsuan)
- f) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 - Akta 711
- g) Akta Perlindungan Saksi 2009 - Akta 696
- h) Semua Arahan Perbendaharaan
- i) Semua Pekeliling Perbendaharaan
- j) Semua Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan
- k) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993
- l) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) (Pulau Pinang) 1997
- m) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pulau Pinang) (Pindaan) 2016
- n) Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLAFTPUAA) 2001- Akta 613
- o) Ordinan Darurat No. 22, 1970 – Kesalahan Salah Guna Kuasa dan Percanggahan Kepentingan

## **TARIKH KUATKUASA**

Pelaksanaan Polisi Antirasuah berkuatkuasa mulai tarikh polisi ini dikeluarkan.

## **PERTANYAAN DAN PELAPORAN**

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Ketua Unit Integriti  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Unit Integriti  
Paras 30,  
10503 KOMTAR  
Pulau Pinang

Emel : integriti@penang.gov.my  
Sistem Aduan Integriti : <https://eintegriti.penang.gov.my/>  
Telefon : 04-650 5741

## **KEGAGALAN MELAPOR**

Akta SPRM 2009 memperuntukkan kegagalan melaporkan rasuah merupakan kesalahan berikut:

- i. Gagal melaporkan pemberian atau tawaran suapan di bawah Seksyen 25 (1) dan (2) Akta SPRM 2009; denda tidak lebih RM100,000.00 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali; atau
- ii. Gagal melaporkan permintaan atau memperoleh suapan di bawah Seksyen 25 (3) dan (4) Akta SPRM 2009: denda tidak lebih RM10,000.00 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

# **PELAKSANAAN KETEKUNAN WAJAR (DUE DILIGENCE)**

- i. Tapisan Dalaman
  - Kenaikan Pangkat
  - Pengesahan Dalam Perkhidmatan
  - Pertukaran
  - Penempatan
  - Ber cuti Luar Negara
  - Permohonan Pekerjaan Luar
  - Pengisytiharan Harta
  - Tahap Keber hutangan
- ii. Tapisan Luaran
  - Data pesalah rasuah melalui laman sesawang [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)
- iii. Sistem Tapisan Ke tuhan (ESTK) – SPRM
  - Laman sesawang: <https://estk.sprm.gov.my/v2>
  - Berdasarkan pekeliling Am Sulit 1/1985:
    - Kenaikan Pangkat
    - Bersara Pilihan
    - Tapisan Am
    - Pengurniaan Pingat Persekutuan dan Pingat Negeri

## PENGHARGAAN

Sekalung ucapan terima kasih dan tahniah dirakamkan kepada Jawatankuasa Pembangunan Polisi Antirasuah Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas sumbangan idea dan cetusan minda seperti berikut:

- 1. Encik Mohd Faizal bin Che Meh  
Ketua Unit Integriti**
- 2. Puan Leny Marlina binti Muhamad  
Pegawai Tadbir (Kontrak)**
- 3. Puan Noorharizah Azfar binti Ali Bahrun  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan**
- 4. Encik Azhar bin Dollah  
Juru Perunding Kanan SIRIM STS Sdn. Bhd**

Penghargaan juga dirakamkan kepada warga Unit Integriti yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan Polisi ini.

**Pohon Keladi Pohon Selasih,  
Merimbun Tumbuhnya Di Tepi Laman,  
Kalungan Budi Junjungan Kasih,  
Jadi Kenangan Sepanjang Zaman.**







POLISI  
**ANTIRASUAH**  
KERAJAAN NEGERI  
PULAU PINANG